

# Pemandangan Sepintas Lalu Melawat Ke Tanah Suci

## (III)

Sebelum meneruskan perihal lawatan sepintas lalu ini molek pula rasanya saya menarik perhatian kerajaan 'Arabiyyah Sa'udiyah dalam hubungannya dengan dunia luar yang ada kait-mengaitnya dengan perjalanan dan peraturan-peraturan menunaikan fardu haji tiap-tiap tahun. Di dalam lawatan Jalalah al-Malik al-Mu'azzam Faisal ke negara-negara Islam untuk menyatukan umat Islam dan mengadakan persefahaman di antara satu dengan lain – ada moleknya pihak kerajaan yang menjadi pengawal Haramayn ini sambil-sambil mencari persatuan menyusun semula hal-hal yang boleh dipandang dan diperhatikan oleh umat Islam yang datang dan berulang alik di sana – dan di antara perkara-perkara yang mustahak ialah mengadakan disiplin kepada pegawai-pegawai kerajaan untuk menghadapi orang-orang dari luar dengan suatu cara yang tidak menyinggung perasaan ataupun dengan perkara-perkara yang menjauhkan kurang senang pandangan-pandangan orang kepada layanan yang sepatutnya ada.

Umpamanya perihal pertadbiran yang mengenai syarikat kapal terbang. Benar di dalam musim haji kapal terbang-kapal terbang syarikat pernerbangang Saudi sangat sibuk tetapi tidaklah bermakna peraturan dan layanan-layanan tidak boleh diatur untuk menjaga supaya orang-orang jangan berasa tidak puas hati. Orang-orang yang datang adalah membayar dengan bayaran-bayaran yang biasa.

Umumnya mereka adalah daripada golongan-golongan kalau tidak pun orang-orang yang terpelajar

(Oleh: Edrus)  
tetapi sekurang-kurangnya ada mempunyai kemampuan yang melayakkkan mereka datang menggunakan kapal terbang dan menunaikan peraturan-peraturan untuk menyiapkan wang yang lumayan untuk berbelanja.

Pertadbiran syarikat kapal terbang Saudi itu sebenarnya tidak memuaskan langsung terutamanya bagi orang-orang yang singgah di Dhahran. Di sana tidak dinyatakan atau diumumkan bila ada kapal terbang mahu berangkat. Tidak ada tempat pendaftaran bagi orang-orang yang datang di sana. Kepada mereka hanya dinyatakan bahawa tempat akan dibuka nanti. Bila? Tidak tentu bahkan apabila ditanya jabatan maklumatnya di situ tidak diberi kenyataan selain daripada belum dibuka. Pukul berapa dan bila dibuka, di mana mendaftar dan seterusnya menjadi tanda tanya orang-orang yang baharu datang di situ.

Tidak diberikan ketentuan masa dan tidak pula diberikan cara-cara dahulu didahului dan diberi masa supaya orang-orang yang berada di situ boleh pergi ke bandar, boleh mencari tempat rehat – tidak terpaksa membentang kain di penjuru-penjuru bangunan lapangan terbang itu bersama-sama anak isteri menunggu waktu yang tidak dapat ditetapkan; dalam menanti masa itu, jika ditentukan tentunya dapatlah sebahagian orang mencari tempat yang lebih rehat atau tempat untuk berehat barang satu dua jam ataupun setengah hari.



Tuanku Ahmad Mustafa al-Edrus  
wakil al-Shaykh Mustafa al-Shibli  
Sarawak di Mekah selalu menjadi guru  
agama di dalam kapal haji.

Perkara-perkara ini, sebenarnya perkara syarikat – tidak kena-mengena dengan kerajaan tetapi sepatutnya kerajaan memperingatkan sekurang-kurangnya, kerana segala perbuatan mereka akan dipikulkan orang ke atas tenguk kerajaan dan akan merosakkan pandangan orang yang kurang fikirannya – untung juga orang berkata – “Tidak mengapalah kerana ini sebagai percubaan dalam masa hendak menunaikan fardu haji” iaitu kata-kata sebagai penawar.


Jabatan-jabatan haji – terutamanya bahagian “*isti'lāmātña*” mestilah orang-orangnya dipilih dan dididik dengan sempurna – tahu akhlak dan pergaulan dan dapat melihat peraturan-peraturan dari luar negeri supaya mereka melayan orang-orang haji yang tiba itu tatkala bertanya dengan cara yang menarik perhatian – manis muka dan seumpamanya seperti yang terdapat di negara lain supaya ia

jadi penambah dan penawan hati  
dan supaya menjadi contoh dan  
teladan kepada orang-orang yang beratus-ratus  
ribu banyaknya tiap-tiap tahun ke sana.  
Jadilah segala pertadbiran kerajaan  
itu berdisiplin yang boleh memberi  
contoh yang baik dan boleh menjadi  
sebutan dan bawaan. Ini tentu  
diketahui sendiri oleh Jalalah al-Malik  
al-Mu'azzam – yang memerintah sekarang kerana  
beliau sudah menjelajah dunia dan  
sudah cukup melihat keadaan-keadaan di luar  
negeri.

Adalah dipercayai susunan yang  
baik sedang dan akan terus dibuat.  
Ini dapat diperhatikan daripada  
perubahan-perubahan yang ada di beberapa tempat  
dalam pemerintahan baginda.

Sebagaimana kebiasaan orang-orang kita,  
saya pun mengambil haji *tamattu'* iaitu  
mengambil umrah di dalam masa musim  
haji. Demikianlah niat saya tatkala  
berihram di Dhahran dahulu. Dengan itu  
pulalah saya lakukan. Inilah pekerjaan  
haji yang ringan kerana sesudah  
menyempurnakan tawaf dan *sa'i* dan  
sesudah *bertahallul* (bercukur) saya  
pun bebaslah dengan pakaian biasa –  
tidak berihram lagi sekalipun masa  
haji hanya empat hari lagi kerana  
saya sampai pada 5 Dhu al-Hijjah  
di Mekah.

Pemandangan di dalam Masjidil Haram  
tidak banyak berubah seperti pada  
tahun 1964 dahulu. Hanya di sebelah  
tempat yang bertentangan dengan Shamiyah dan  
sekitarnya, bangunan-bangunan baharu  
disempurnakan dan tanah-tanah di sekelilingnya  
digali dan longkang-longkang besar dibuat  
daripada konkrit. Dalam musim haji  
pekerja-pekerja tidak menjalankan kerja-kerjanya  
kerana manusia datang sebegitu ramai.



Padang terbang Dhahran yang cantik. Di sini pada musim haji pun  
sangat sibuknya.

Jemaah-jemaah haji datang silih berganti –  
dengan kapal laut kapal terbang dengan bas  
dan motorkar bahkan ada yang datang  
berjalan kaki.


Di Madinah, masa sebelum haji penuh  
sesak kerana orang-orang yang menggunakan  
kenderaan jalan darat dari Timur  
Tengah, di Sharq al-Urdun, Suria, Lubnan,  
Turki dan daerah-daerah itu mereka terus  
ke Madinah dahulu baharu ke Mekah. Kedatangan  
mereka ramai dan banyak. Bas-bas mereka  
diletakkan di luar bandar Mekah – tidak  
boleh masuk ke dalam bandar kerana jika  
semuanya dibenarkan masuk ke bandar  
tentulah buntu perjalanan. Mereka  
dibenarkan berkhemah di luar bandar.  
Berhampiran dengan tempat-tempat bas mereka  
disediakan paip-paip air untuk  
memudahkan mereka duduk di sana.

Orang-orang mengerjakan tawaf dan  
*sa'i* berjejal-jejal tidak putusnya siang

malam. Janganlah menyangka bahawa tengah malam  
akan lebih rehat mengerjakan tawaf.  
Tengah malam membawa kepada waktu subuh  
adalah lebih ramai orang mengerjakan  
tawaf. Bagi golongan kita yang  
kecil-kecil badan ini lebih baik jangan  
cuba-cuba hendak mencium *Hajar*  
*al-Aswad* sebab hanya mendatangkan  
sakit dan terkadang-kadang berbahaya pula  
dihimpit manusia.

Di antara Maqām Ibrāhīm dengan Kaabah  
di situlah tempat yang sempit benar untuk  
mengerjakan tawaf tetapi ada juga  
yang mengerti – mereka berjalan melalui  
luar belakang Maqām Ibrāhīm – bahkan  
di luar dari Bāb Banī Shaybah.

Dengan memandang terlampau berjejal-jejal  
inilah ada ura-ura kononnya dirancangkan  
Maqām Ibrāhīm akan diundurkan lagi  
ke belakang. Dahulunya diriwayatkan, Maqām  
Ibrāhīm terletak berhampiran dengan



Pemandangan lapangan kapal terbang di Jeddah yang sangat-sangat sibuk di dalam musim haji. Orang-orang haji terkadang-kadang melimpah-limpah ke luar kerana menunggu kapal terbang yang berangkat ataupun pada waktu tiba. Di dalamnya ada tempat penginapan percuma bagi orang-orang haji yang menumpang dengan kapal terbang.

Kaabah, tetapi pada zaman Saiyidina ‘Umar *radīya Allahu ‘anhu* Maqām Ibrāhīm itu diundurkan ke tempat yang ada sekarang. Khabarnya persoalan ini menjadi perbahasan kerana sebahagian golongan umat Islam tidak menyukai Maqām Ibrāhīm diundurkan. Tetapi memandang dari setahun ke setahun manusia sebegini banyak datang mengerjakan haji dan kadang-kadang tempat menjadi tempat yang mungkin berbahaya kerana terlampau berjejal-jejal maka timbulah fikiran untuk memindahkannya lebih jauh sedikit daripada Kaabah. Apakah rancangan itu akan dilakukan atau tidak – tidaklah dapat kepastian.

Di sinilah dapat kita melihat berbagai-bagi corak dan cara orang memakai ihram kerana bentuk dan caranya ada banyak pula, sekalipun mereka orang Arab, tidak mengkaji atau mendalami cara-cara menggunakan ihram. Tetapi *al-hamduli Lāh* – banyak jemaah-jemaah kita di Tanah Melayu nampaknya lebih mendalam mengkaji perihal *manāsik al-hajj*. Kerana itu kita dapati banyak orang-orang kita lebih baik keadaannya daripada orang-orang lain.

Ada perkara yang nampaknya sangat

dicuaikan oleh setengah-setengah orang perempuan kita dalam mengerjakan tawaf iaitu menjaga dan mengawal aurat. Banyak orang-orang kita sangat cuai menjaga kaki mereka. Kadang-kadang sarung kakinya koyak dan kadang-kadang tidak berikat – terturun sehingga nampak betis dan sebagainya. Ada pula meniru-niru setengah-setengah perempuan lain golongan. Yang menutup mukanya dengan kain tipis dan menutup badannya seluruhnya dengan pakaian hitam tetapi di dalam memakai gaun atau celana pendek. Manakala angin bertiup maka aurat yang ditegah kelihatan terbuka.

Perkara ini bukan perkara yang tersembunyi lagi tetapi hendaklah diketahui bahawa kerana banyaknya manusia dan berbagai-bagi ragam dan keadaannya dan tentunya ada pula yang datang hanya hendak mengerjakan haji sahaja – mereka tidak mahu belajar lebih dahulu *manāsik al-hajj* dengan sebaik-baiknya.

Untuk menjaga semuanya ini – telah tiba lah masanya bagi Kerajaan Persekutuan yang mengadakan pesuruhjaya haji – untuk menyempurnakan tanggungjawabnya hendaklah memilih guru-guru agama yang bersama-sama dengan orang-orang haji

di kapal-kapal haji itu orang-orang yang berpengalaman – jangan mengambil orang-orang yang belum pernah mengerjakan haji kerana banyak perkara-perkara yang tidak diketahui mereka dan belum pernah dipandang dan dilihat mereka.

Alat-alat mengajar di kapal-kapal haji perlu diadakan. Slaid dan filem, terutamanya yang mengenai rukun-rukun dan wajib-wajib haji serta ihram dan segala-galanya patut diadakan supaya dapat dilihat mereka cara-cara yang betul. Pesuruhjaya haji patut mengambil berat persoalan seperti ini – mencari jalan yang semudah-mudahnya untuk memberi pertunjuk kepada orang-orang bakal haji dan memberi nasihat-nasihat yang berguna kepada mereka dan memberi penjelasan-penjelasan atas apa-apa yang mustahak dibawa mereka – jangan nasihat-nasihat yang diberi untuk memudahkan pegawai-pegawai tetapi memberatkan kepada orang-orang haji sendiri.

Jangan dibawa beras – kata nasihat orang tetapi orang-orang kita apabila sampai di sana melihat saudaranya orang-orang Indonesia dibekali dengan beras sebanyak 25 kilo seorang disertakan gula, teh dan kopinya – mengapa? Sebab mereka tahu harga



Al-Shaykh Mustafa Abdul Rahman  
al-Shibli Sarawak – Syeikh haji di Mekah –  
sahabat penulis rencana ini.

barang-barang di sana mahal – beras gula  
bahkan kalau meminum teh di kedai –  
belanjanya jatuh di antara 30 dengan 35  
sen duit kita iaitu 8 atau 10  
qursh. Berilah nasihat-nasihat yang meringankan  
tanggungan mereka – tidak yang membesarakan  
belanja mereka.

Pegawai-pegaipenerangan yang dihantarkan  
– janganlah dijadikan untuk alat  
politik tetapi jadikanlah mereka  
pemandu-pemandu dan penasihat serta  
pengawas orang kita. Sebab itu  
sebagaimana juga guru-guru agama di kapal-kapal  
haji dipilih mereka-mereka yang jadi  
pegawai penerangan itu orang-orang yang belum  
berpengalaman kerana terkadang-kadang perbuatan  
setengah-setengah mereka sebagai tikus  
membaki labu sahaja.

Mengenai penerangan dan penjelasan-penjelasan  
*manāsik al-hajj* dengan bergambar – dengan  
pengalaman saya yang telah ada, saya  
bersedia mengadakan tayangan-tayangan gambar  
untuk *manāsik al-hajj* di mana-mana jua  
pun terutamanya dalam masa kapal-kapal  
haji hendak berangkat – di Singapura,  
di Kuala Lumpur dan di Pulau Pinang – dan  
kedatangan pihak Tabligh Qalam tidak

meminta apa-apa belanja atau tambang dan  
seumpamanya – hanya memberikan tenaga  
percuma – ini lebih lagi disyukuri  
kalau sekiranya pihak pesuruhjaya  
haji dapat memberi kerjasama mengadakan  
tempat-tempat di dalam mengadakan ini sementara  
mungkin sesuatu rancangan belum  
siap.

(Bersambung)

Menurut suatu berita *Volunteer*  
Timur Afrika bahawa pasukan-pasukan  
polis pencegah rusuhan telah dikehjarkan  
untuk meleraikan pergaduhan  
penonton-penonton kriket di antara orang-orang  
India Islam dengan orang-orang India  
Hindu.

Sudah terbit

Buku baru

## Khalifah ‘Umar bin ‘Abd al-‘Azīz

Khalifah ‘Umar ‘Abd al-‘Azīz bukannya sahaja seorang Khalifah yang disegani oleh rakyat

jelata di antara khalifah-khalifah Banī Umayyah, tetapi juga baginda adalah seorang Khalifah yang dipandang

adil seadil-adilnya untuk menegakkan kebenaran dan hak sesudah Sayyidina ‘Umar bin al-Khaṭṭāb.

Bacalah riwayat hidupnya yang penuh dengan perjuangan menegakkan agama Allah, disusun

dengan jalan bahasa yang mudah difaham dan senang dibaca oleh semua peringkat.

Pesanlah dari sekarang

Harga sebuah

daripada penerbitnya:

\$1.40

# QALAM